

Malaysia ada pertimbangan sendiri majukan WPI

UM - 5/12/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Singapura perlu memahami bahawa Malaysia mempunyai pertimbangan tersendiri dalam memajukan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor.

Sehubungan itu, menurut Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak faham dengan maksud kenyataan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong bahawa ahli perniagaan republik itu menerima 'isyarat bercampur' dari Johor berhubung pelaburan di situ.

"Saya tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh beliau. Kita mahu menarik pelaburan ke WPI dan kita akan melakukan yang terbaik.

"Pada masa yang sama, kami mahu Singapura memahami sesetengah pertimbangan yang ada dalam aspek pembangunan kawasan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Persekutuan Veteran Sedunia ke-25 di sini hari ini.

Najib diminta mengulas kenyataan balas Hsien Loong berikutan saraannya sebelum ini supaya hubungan ekonomi lebih rapat memabitkan kedua-dua negara diwujudkan.

Meskipun menyambut baik gesaan Najib itu, Perdana Menteri republik itu berkata, ahli perniagaan negara

berkenaan menerima isyarat bercampur dari Johor berkenaan keseriusan kerajaan.

Hsien Loong juga berkata, terdapat kekhawatiran dalam kerajaan Johor sendiri berkenaan pembabitan Singapura dalam pembangunan WPI.

Dakwaan tersebut bagaimanapun dibantah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, yang menyatakan kerajaan negeri membuka peluang kepada seluruh dunia untuk melabur di WPI, termasuk pelabur Singapura.

WPI merupakan kawasan seluas 2,217 kilometer persegi di selatan Johor yang akan dijadikan bandar raya metropolis dan pusat pertumbuhan terbesar di rantau ini.

Tempoh pembangunan kawasan itu adalah sehingga tahun 2025 dan memerlukan kos lebih RM47 bilion untuk menjana pertumbuhan ekonomi sebanyak lapan peratus dalam tempoh lima tahun yang pertama.

Kewujudan wilayah itu diyakini mampu menarik firma besar bertaraf antarabangsa menjalankan perniagaan di situ.